

## Kerugian bencana banjir cecah RM6.1 bilion

PETALING JAYA- Jumlah besar kerugian bencana banjir melibatkan 11 negeri pada Disember tahun lalu merekodkan kerugian sebanyak RM6.1 bilion iaitu bersamaan dengan 0.40 peratus berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

**Ketua Perangkawan, Datuk Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin** berkata, jumlah kerugian tertinggi direkodkan bagi tempat kediaman iaitu sebanyak RM1.6 bilion dengan Selangor merekodkan jumlah kerugian terbesar iaitu RM1.0 bilion.

"Tempat kediaman mengalami kerugian sebanyak RM1.6 bilion, RM1.0 bilion (kenderaan), RM0.9 bilion (pembuatan), premis perniagaan (RM0.5 bilion), pertanian (RM90.6 juta) dan aset awam serta infrastruktur sebanyak RM2.0 bilion," katanya di sini tadi.

Sebelum ini, kerajaan menganggarkan kerugian awal akibat banjir di 50 daerah di seluruh negara mencecah RM6.5 bilion.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, jangkaan itu berdasarkan dapatan awal **Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)** dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pejabat Daerah dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

Bencana banjir yang melanda negara telah menyebabkan kerosakan tempat kediaman, premis perniagaan, kenderaan, pertanian, pembuatan serta aset awam dan infrastruktur. -K! ONLINE

<https://www.kosmo.com.my/2022/01/28/kerugian-bencana-banjir-cecah-rm6-1-bilion/>